

27 MAY 1998

HABIBIE TERIMA PERUTUSAN TAHNIAH DARIPADA PARA PEMIMPIN DUNIA

JAKARTA, 27 Mei (Bernama) -- Presiden B.J. Habibie menerima perutusan ucapan tahniah daripada para pemimpin dunia sejak beliau mengambil alih jawatan Presiden negara itu pada 21 Mei lepas, kata Menteri Sekretariat Negara Akbar Tanjung hari ini.

Habibie menggantikan Presiden Suharto yang telah memegang jawatan itu selama 32 tahun selepas rakyat negara itu menunjukkan bantahan mereka dengan merusuh kerana mahukan perubahan dalam pemerintahan negara itu.

Perutusan yang pertama ialah daripada Chanselor Helmut Kohl di Jerman, diikuti Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 22 Mei, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto, Perdana Menteri Australia John Howard, Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Perdana Menteri Singapura Goh Chock Tong pada 25 Mei.

Perutusan Clinton menyatakan, "Saya telah mengikuti perkembangan di Indonesia sejak beberapa hari lepas dan saya amat menghargai kenyataan pertama Presiden Habibie, terutama mengenai komitmen anda terhadap politik, ekonomi dan pembaharuan undang-undang."

"Ini merupakan detik paling bersejarah bagi diri Presiden dan kerajaan Indonesia untuk melaksanakan aspirasi rakyat yang telah lama inginkan demokrasi," kata Clinton.

Clinton berharap Presiden Habibie akan terus mengadakan dialog dengan orang ramai daripada semua lapisan manakala Amerika Syarikat akan terus memberikan sokongan kepada Indonesia dalam usaha memulihkan negara itu daripada kemelut ekonomi dan kewangan. -- BERNAMA

ABU RHM PR